

UM 23 AUG 2001

Iktiraf jasa PM selamatkan negara daripada kegawatan

PULAU PINANG 22 Ogos Malaysia perlu mengiktiraf dan menghargai jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana kejayaannya melaksanakan pelbagai program bagi menyelamatkan negara daripada kegawatan ekonomi dengan memperkenalkan istilah *Mahathiromic*.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Amir Hussin Baharuddin berkata, kejayaan tersendiri dan unik pemimpin itu patut dikaji dan didokumenkan sebagai sumbangan kepada sains ekonomi negara.

"Kejayaan yang dilaksanakan Perdana Menteri menangani kegawatan ekonomi seharusnya mendapat pengiktirafan daripada rakyat negara ini," katanya dalam syarahan

sempena pelantikannya sebagai profesor di sini hari ini.

Syarahan bertajuk Sains Ekonomi Dalam Realiti Malaysia: Satu Penilaian Kritis disampaikan di Dewan Kuliah A, USM.

Menurut Dr. Amir, pandangan ekonomi yang inovatif dan langkah bijak yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir termasuk mengetepikan bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menyebabkan rakyat tidak merasai kesan teruk akibat kegawatan berbanding negara jiran.

Katanya, tindakan bijak itu tidak pernah difikirkan oleh pakar teori ekonomi di dunia dalam menangani masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara.